

Wan Zailan Kamaruddin bin Wan Ali, Ahmad Zuhdi bin Ismail, "Masyarakat Muslim Melayu di Singapura: Kajian Terhadap Isu dan Cabaran dalam Pemikiran Islam Era Globalisasi" JMS Vol. 1 Issue 1 (2018): 27-53

**Masyarakat Muslim Melayu di Singapura: Kajian Terhadap Isu dan Cabaran dalam Pemikiran Islam Era Globalisasi**

**Wan Zailan Kamaruddin bin Wan Ali  
Ahmad Zuhdi bin Ismail**

Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam  
Akademi Pengajian Islam  
Universiti Malaya  
50603 Kuala Lumpur, Malaysia

Email : wzk\_ali@um.edu.my  
: f7zuhdi@um.edu.my

**Abstrak**

Muslim Melayu di rantau Asia Tenggara berhadapan dengan pelbagai isu berkaitan dengan Islam, yang memberikan pelbagai cabaran semasa mahupun baru kepada mereka. Masyarakat Muslim Melayu di Singapura tidak terkecuali daripada berhadapan dengan persoalan seumpamanya. Menarik sekiranya dapat dilihat persepsi, pemikiran dan respons mereka terhadap pelbagai isu dan cabaran yang dihadapi untuk dibuat perbandingan dengan yang lain. Makalah ini adalah berobjektif untuk meneliti dan mengkaji kedudukan Islam sebagai *al-Din* atau agama bagi masyarakat Muslim Melayu di Singapura, sumber-sumber primer dan sekunder dalam bidang pemikiran Islam, isu-isu utama dan primer yang dihadapi masyarakat Muslim Melayu dari pelbagai peringkat, juga cabaran sama ada dalaman, luaran dan seumpamanya di samping untuk mengkaji metode dan pendekatan yang di aplikasi MUIS secara khusus sebagai badan dan organisasi

Wan Zailan Kamaruddin bin Wan Ali, Ahmad Zuhdi bin Ismail, "Masyarakat Muslim Melayu di Singapura: Kajian Terhadap Isu dan Cabaran dalam Pemikiran Islam Era Globalisasi" JMS Vol. 1 Issue 1 (2018): 27-53

tertinggi berkaitan Islam di republik itu dalam penyelesaian masalah dan persoalan yang timbul dalam masyarakat dari masa ke masa. Kajian ini bersifat lapangan dengan responden melalui proses interview. Dapatan utama kajian memperlihatkan bahawa Islam di Singapura berwajah ASWJ, sama seperti negara lain di rantau ini, tetapi perbezaan yang agak ketara adalah kerana sifat dan sikap keterbukaan dan positif yang ditunjukkan masyarakat Muslim Melayu dalam menerima kepelbagaian dan kelainan bentuk dan pemikiran yang berbeza. Ringkasnya, mereka sedia bersatu dalam perbezaan "*agree untuk disagree.*"

**Kata kunci:** Muslim, Melayu, Pemikiran Islam, Singapura

### **Abstract**

Muslim Malays in the Southeast Asia region face various issues related to Islam, which provide a variety of current and new challenges to them. The Malay Muslim community in Singapore also faces the same scenario, with various similarities. It is interesting if their perceptions, thoughts and responses to the various issues and challenges can be compared with others. This paper aims to examine and study the position of Islam as *al-Din* or religion for the Malay Muslim community in Singapore, primary and secondary sources in the field of Islamic thought, major and minor issues faced by the Malay Muslim community from various levels, challenges whether internal, external and others, as well as to study the methods and approaches applied by MUIS in particular, as the highest organization and authority,

Wan Zailan Kamaruddin bin Wan Ali, Ahmad Zuhdi bin Ismail, "Masyarakat Muslim Melayu di Singapura: Kajian Terhadap Isu dan Cabaran dalam Pemikiran Islam Era Globalisasi" JMS Vol. 1 Issue 1 (2018): 27-53

relating to Islam in the republic, in solving problems and issues, which arise in society from time to time. This is a field study with the respondents will go into the interview process. The findings show that Islam in Singapore is based on ASWJ, just like any other countries in the region, but their significant differences are because of the open and positive attitude shown by the Malay Muslim community in accepting different forms of ideas and thoughts. In short, they are ready to unite in the difference based on "agree to disagree."

**Keywords:** Muslim, Malay, Islamic Thought, Singapore.

## **1.0 Pengenalan**

Masyarakat Muslim pada hari ini sentiasa berhadapan pelbagai isu dan cabaran dalam era globalisasi khususnya dalam bidang pemikiran Islam. Isu dan cabaran lebih merupakan ujian, *mihnah* dan *ibtila* yang disediakan Allah (s.w.t) untuk sama ada menambahkan kekuatan mahupun menguji kekuatan sedia ada, yang pasti disediakan ganjarannya dalam pelbagai bentuk. Kedinamikan dan kepasifan sesuatu masyarakat, bahasa, budaya, bangsa dan negara bergantung kepada kekuatan dan kelemahan mereka menghadapi isu dan cabaran dalaman mahupun luaran. Muslim Melayu di Singapura merupakan golongan minoriti dan Islam sebagai sistem hidup mereka. Agak menarik untuk berbicara tentang Melayu kerana mereka merupakan penghuni asal yang majoriti di pulau Temasik dahulu, tetapi kini berubah menjadi golongan minoriti.

Bidang Pemikiran Islam di sini merujuk kepada bidang-bidang berkaitan akidah [Usuluddin], falsafah, tasawuf, teologi [Kalam] dan perbandingan agama yang

Wan Zailan Kamaruddin bin Wan Ali, Ahmad Zuhdi bin Ismail, "Masyarakat Muslim Melayu di Singapura: Kajian Terhadap Isu dan Cabaran dalam Pemikiran Islam Era Globalisasi" JMS Vol. 1 Issue 1 (2018): 27-53

berasaskan sumber primer dalam Islam iaitu, Kalam Allah (s.w.t) al-Qur'an al-karim dan Hadis Nabi Muhammad (s.a.w) yang mengaplikasikan metode-metode tertentu yang dibenarkan dalam Islam sebagai suatu sistem hidup atau "*a way of life*" dan kaedah pemikiran kaum Muslimin.

Republik Singapura tidak terkecuali dilanda pelbagai persoalan, isu dan cabaran yang datang dari dalam mahupun luar. Bagaimanapun, isu dan cabaran yang dihadapi berbeza berbanding negara-negara lain di rantau ini seperti Malaysia, Brunei, Indonesia, Thailand, Filipina dan Vietnam. Kajian dan penyelidikan ini bertujuan untuk meneliti kedua-dua aspek, isu dan cabaran meliputi bidang-bidang yang telah dinyatakan terdahulu.

### **1.1 Kedudukan Islam di Singapura:**

Singapura seperti yang diketahui umum merupakan sebuah negara sekular yang tidak memberikan penekanan kepada agama dan bangsa sebagai terasnya, biarpun ia di dominasi bangsa Cina selaku golongan majoriti, apatah lagi mereka pula menganuti Buddhisme sebagai agama dan kepercayaan. Dalam keadaan inilah, Islam dan Melayu terbabit sebagai sebahagian daripada kelompok yang membentuk identiti Singapura yang dikenali kini.

Diperlihatkan bahawa Islam sebagai *al-Din* [*a way of life*] bagi kaum Muslimin yang merupakan golongan minoriti di Republik Singapura adalah diiktiraf oleh kerajaan Singapura berdasarkan peruntukan dalam Perlembagaan Republik Singapura. Bagaimanapun, peruntukan tersebut dikemukakan dalam bentuk yang umum semata-mata. Tiada keterangan yang jelas mengenainya. Untuk mengetahui kedudukan Islam

Wan Zailan Kamaruddin bin Wan Ali, Ahmad Zuhdi bin Ismail, "Masyarakat Muslim Melayu di Singapura: Kajian Terhadap Isu dan Cabaran dalam Pemikiran Islam Era Globalisasi" JMS Vol. 1 Issue 1 (2018): 27-53

secara lebih mendalam, pendetailan mengenainya perlu dirujuk kepada badan atau majlis yang ditubuhkan dengan tujuan yang spesifik, iaitu untuk mengendalikan semua urusan dan perkara berkaitan agama di republik tersebut. Islam diberikan pengiktirafan sebagai salah sebuah agama di republik Singapura. Persoalan yang biasa ditanyakan adalah berhubung dengan aliran pemikiran yang diterima pakai dalam konteks Islam yang diamalkan itu. Di negara-negara lain di rantau ini seperti Malaysia, Brunei, Indonesia, Thailand, Filipina dan Vietnam, Islam versi Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah adalah begitu dominan dan berpengaruh besar serta diterima secara rasmi. Adakah Singapura juga mengikuti Islam versi aliran pemikiran yang sama atau sebaliknya, sesuatu yang menarik untuk diperhatikan? Apakah pula signifikan dan impaknya kepada masyarakat Muslim berbangsa Melayu di Singapura? Adakah mereka turut sama menerima nasib dan merasai pengalaman yang sama seperti yang lain-lain?

Dari segi kedudukan Islam, berdasarkan keterangan yang dikemukakan oleh Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS) selaku pihak berautoriti tertinggi yang bertanggungjawab terhadap Islam dan masyarakat Muslim Melayu di negara ini, dikatakan bahawa Islam di Singapura adalah berwajah Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah [ASWJ] yang pada dasarnya telah diiktiraf sebagai mazhab rasmi bagi republik tersebut. Ini dapat dilihat daripada kenyataan berikut berasaskan *Administration of Muslim Law Act* [AMLA] yang menyebutkan:

Wan Zailan Kamaruddin bin Wan Ali, Ahmad Zuhdi bin Ismail, "Masyarakat Muslim Melayu di Singapura: Kajian Terhadap Isu dan Cabaran dalam Pemikiran Islam Era Globalisasi" JMS Vol. 1 Issue 1 (2018): 27-53

"Article 152 of the Constitution of the Republic of Singapore guarantees the rights of minority communities to their religious belief and practice. This allows for Muslims to practice their Islamic faith in Singapore. The Administration of the Muslim Law Act enacted in 1966 outlines the sphere of Muslim activities in the public and legal domain." "Muslims in Singapore live their religious life according to the Ahlus Sunnah wal Jamaah. With regards to the legal school of thought, the Syafie school is followed by the majority of Muslims. Fatwas are also mainly issued according to this school, as mentioned in the Administration of Muslims Law Act (AMLA).<sup>1</sup>

Secara lebih jelas seperti dalam keterangan di atas, ASWJ yang di kuat kuasa dan diamalkan sepenuhnya di sini merujuk kepada mazhab (*madhhab*) akidah Abu al-Hasan al-Asy'ari dan mazhab Fiqh Muhammad ibn Idris al-Syafi'i, sama seperti keadaannya di Malaysia. Semua aspek Islam yang difahami masyarakat Melayu Muslim di republik ini adalah berteraskan kepada kedua-dua mazhab akidah dan fiqh tersebut, sama ada dari aspek asas dan punca, sumber, metode, pemikiran, penyelesaian isu dan cabaran dan sebagainya. Dengan kata-kata lain, ia merupakan mazhab yang mendominasi pemikiran masyarakat Melayu Muslim Singapura dalam segala aspek kehidupan mereka, baik fizikal, mental mahupun spiritual.

---

<sup>1</sup> Untuk maklumat lebih lanjut mengenai AMLA, sila rujuk halaman website berikut: <http://statutes.agc.gov.sg/>.

Wan Zailan Kamaruddin bin Wan Ali, Ahmad Zuhdi bin Ismail, "Masyarakat Muslim Melayu di Singapura: Kajian Terhadap Isu dan Cabaran dalam Pemikiran Islam Era Globalisasi" JMS Vol. 1 Issue 1 (2018): 27-53

Keterangan oleh MUIS tidak berbeza dengan kenyataan yang diberikan oleh badan dan pihak berkuasa agama di negara masing-masing di rantau ini. Pertanyaan selanjutnya adalah bagaimanakah pula kedudukan mazhab-mazhab selain ASWJ di Singapura? Adakah mereka berhadapan dengan isu dan cabaran berikutan kelainan mereka berbanding dengan mazhab yang diterima umum dan sedia ada? Islam versi Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah (ASWJ) boleh dianggap sebagai mazhab rasmi di Singapura seperti yang termaktub dalam keterangan MUIS sendiri. Bagaimanapun, seperti juga dengan negara-negara majoriti Muslim lain, yang menjadi ahli dan tertakluk kepada pertubuhan OIC, terdapat pelbagai mazhab lain juga wujud dan bergerak seiringan dengan mazhab yang mendominasi Singapura itu sendiri. Apatah lagi dalam dunia tanpa sempadan, dan dalam era globalisasi dengan semua penjuru dunia terdedah kepada pelbagai anasir luaran.

Di antara yang dapat diketahui dan dikenal pasti sepanjang kajian ini dilakukan memperlihatkan bahawa aliran pemikiran dan mazhab al-Salafiyah al-Wahhabiyyah, merujuk kepada para pengikut aliran al-Salaf, al-Salaf al-Salih dan al-Salafiyah, pada umumnya dianggap Muslim dan turut dikenali dan diakui sebagai para pengikut Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah (ASWJ) juga. Ini bererti mereka merupakan sebahagian daripada ASWJ dan dengan demikian, mereka dapat hidup bebas, bergerak, berfikir, beramal dan beriman tanpa sebarang halangan dan kekangan. Walaupun dalam beberapa keadaan, perasaan "keberatan" kelihatan, namun ia masih dalam lingkungan yang

Wan Zailan Kamaruddin bin Wan Ali, Ahmad Zuhdi bin Ismail, "Masyarakat Muslim Melayu di Singapura: Kajian Terhadap Isu dan Cabaran dalam Pemikiran Islam Era Globalisasi" JMS Vol. 1 Issue 1 (2018): 27-53

diterima dan dibenarkan. Justeru, tidak timbul sebarang isu dan cabaran berkaitan dengannya, dan pada umumnya berada dalam kawalan.

Aliran pemikiran Syiah yang telah sekian lama wujud di negara tersebut pula, pada umumnya turut dianggap Muslim dan lebih dikenali sebagai sub-sekta al-Ja'fariyyah, al-Zaidiyyah dan al-Isma'iliyyah [Dawudiyah]. Mereka diberikan kebebasan untuk mempercayai, mendakwahkan dan mengamalkan ajaran dan amalan yang mereka ikuti dalam lingkungan mereka dengan lokasi mereka dikenal pasti. Temu bual dengan MUIS menunjukkan bahawa mereka mendapat pengiktirafan secara rasmi sebagai salah sebuah aliran pemikiran dan mazhab dalam Islam, dan oleh yang demikian, tidak kelihatan sebarang masalah, halangan ataupun kekangan untuk mereka hidup bebas seiringan dengan para pengikut mazhab ASWJ yang merupakan golongan Muslim Melayu majoriti dan mazhab-mazhab lain di republik tersebut.

Berlainan pula dengan kedudukan Qadiani, kerana seperti ditegaskan oleh pihak MUIS dan pihak berautoriti di Singapura bahawa mereka dianggap sebagai Non-Muslim dan tidak termasuk dalam Islam,<sup>2</sup> walaupun perkataan dan perbuatan yang mereka tunjukkan kelihatan seperti kaum Muslimin juga. Justeru, layanan dan penghormatan dari pihak kaum Muslimin terhadap mereka adalah hampir sama seperti golongan bukan Muslim yang lain. Walaupun dalam pelbagai keadaan, golongan ini menghendaki mereka diberikan pengiktirafan sebagai sebahagian daripada kaum Muslimin, namun usaha tersebut gagal dan dihalang. Kerajaan republik Singapura sendiri yang mendapat nasihat

---

<sup>2</sup> Sumber informasi: Temubual bersama-sama dengan Ustaz Maas, Pegawai Eksekutif (Sementara), MUIS, 10 Disember 2007 di MUIS, Singapura, Bradell Road, Toa Payoh.



Wan Zailan Kamaruddin bin Wan Ali, Ahmad Zuhdi bin Ismail, "Masyarakat Muslim Melayu di Singapura: Kajian Terhadap Isu dan Cabaran dalam Pemikiran Islam Era Globalisasi" JMS Vol. 1 Issue 1 (2018): 27-53

daripada MUIS dalam perkara-perkara membabitkan Islam dan Muslim, turut mengambil sikap dan tindakan seperti yang dinasihatkan. Dengan kata-kata lain, apa sahaja keputusan yang dibuat oleh MUIS sebagai badan berautoriti agama yang diiktiraf kerajaan Singapura, menjadi keputusan kerajaan.

Kajian ini turut mengkaji dan meneliti metode dan metodologi yang diguna pakai oleh pihak berautoriti dan masyarakat Muslim Melayu Singapura, khususnya dalam konteks mengeluarkan sesuatu fatwa dan keputusan berkaitan isu-isu keagamaan terutama yang melibatkan persoalan akidah, Seperti difahamkan bahawa Jawatankuasa syar'iyah akan berpandukan dasar-dasar berikut mengikut keutamaan iaitu Al-Qur'an, Al-Hadis, Al-Ijma', Al-Qiyas dan Al-Ijtihad.

Dari segi autoriti dan pertanggungjawaban terhadap Islam dan Muslim, badan berkaitan Islam yang tertinggi di Singapura adalah MUIS [Majlis Ugama Islam Singapura]<sup>3</sup> yang tertakluk di bawah Kementerian Dalam Negara Singapura. Badan atau Majlis ini dianggap mewakili kerajaan dan akan mengikut keperluan dan kehendak kerajaan Singapura. Dalam konteks yang lebih spesifik, keanggotaan badan atau institusi berkaitan Islam di Singapura diketuai oleh PERGAS [Persatuan Ulama dan Guru-Guru Agama Singapura] yang terlibat secara khusus dalam bidang pendidikan. Persatuan ini dilihat mempunyai kedudukan dan memainkan peranan yang sangat penting dan berpengaruh besar di Singapura. Dilihat dari segi keahliannya pula, ia melibatkan keahlian yang besar terdiri daripada para ulama dan *asatizah* yang perlu mendapatkan pengiktirafan menerusi

---

<sup>3</sup> Boleh dirujuk dalam laman web MUIS.

Wan Zailan Kamaruddin bin Wan Ali, Ahmad Zuhdi bin Ismail, "Masyarakat Muslim Melayu di Singapura: Kajian Terhadap Isu dan Cabaran dalam Pemikiran Islam Era Globalisasi" JMS Vol. 1 Issue 1 (2018): 27-53

*Asatizah Recognition Scheme* [Skim Pengiktirafan Asatizah]. Proses ini dilakukan oleh PERGAS, dengan dibantu menerusi panel bebas yang dipilih untuk menentukan guru dan ustaz yang boleh dilantik untuk mengajar di masjid-masjid di Singapura.<sup>4</sup> Badan atau institusi seterusnya yang turut memberikan sumbangan mereka yang besar dalam bidang pendidikan selain PERGAS adalah PERDAUS [Persatuan Pelajar Agama Dewasa Singapura [PERDAUS]]. Dengan kewujudan kedua-dua badan ini, bidang pendidikan Islam untuk tujuan pengajaran dan pendidikan agama adalah terpilih dan terkawal. Jadi, aspek-aspek pencegahan dan pengawalan awal telah dijalankan oleh kedua-dua badan tersebut.

Dari segi kawalan institusi-institusi formal [Islam] dan non-formal [Islam] di Singapura dalam aspek-aspek berkaitan Pengajian Islam [Formal] dan [non-formal], dikatakan berada dalam pemantauan pihak berautoriti. Di negara yang relatifnya kecil, bilangan masjid adalah berjumlah 69 buah, diikuti madrasah sebanyak 6 buah madrasah. Madrasah-madrasah tersebut adalah madrasah rasmi di Singapura yang diiktiraf kerajaan dan pihak MUIS, dengan silibus rasmi, dan madrasah-madrasah itu adalah madrasah Aljunied, Arabiyyah, Almaarif, Wak Tanjung, dan lain-lain. Dari segi isu berkaitan Islam pula, Singapura juga tidak terlepas daripada pelbagai isu dan permasalahan, sama ada langsung atau tidak langsung, besar mahupun kecil. Secara mudahnya, isu, masalah dan persoalan yang timbul boleh dibahagikan kepada isu-isu

---

<sup>4</sup> Temubual dengan Mohd Jakfar bin Hj. Embek, Ketua, Da'wah, Latihan dan Perkembangan, Persatuan Ulama dan Guru-Guru Agama Islam (Singapura) @ PERGAS, Wisma Indah, Jalan Changi, Singapura pada 11 Disember 2007, jam 2 petang di Wisma Indah, Jalan Changi, Singapura.

Wan Zailan Kamaruddin bin Wan Ali, Ahmad Zuhdi bin Ismail, "Masyarakat Muslim Melayu di Singapura: Kajian Terhadap Isu dan Cabaran dalam Pemikiran Islam Era Globalisasi" JMS Vol. 1 Issue 1 (2018): 27-53

bersifat primer dan pokok dan isu-isu bersifat sekunder. Untuk melihat secara lebih fokus, beberapa isu bersifat primer yang akan menyusul selepas ini akan dibincangkan secara ringkas.

Isu kemazhaban dan isu khilafiah menurut maklumat yang diperoleh memperlihatkan bahawa pada asasnya, ia masih boleh ditangani. Pihak berkuasa agama pada umumnya tidak mempunyai kuasa untuk mengambil tindakan. Sekiranya sesuatu tindakan wajar dan perlu diambil oleh pihak berkuasa agama, ia pula sebenarnya bukanlah atas asas dan dasar perbezaan mazhab, tetapi lebih kepada dasar "Ketenteraman awam" dan "Keselamatan Negara." Dengan kata-kata lain, alasan berkaitan keagamaan tidak boleh mensabitkan kesalahan. Kesalahan yang boleh diambil tindakan adalah sekiranya ia mengganggu ketenteraman awam dan mempunyai implikasi ke atas keselamatan negara.

Isu aliran pemikiran al-Wahhabiyyah merupakan isu yang agak meluas kerana kebanyakan negara majoriti mahupun minoriti Muslim berhadapan dengannya. Salah satu alasannya adalah kerana kelainan pemikiran dan pendekatan. Aliran ini dikenal pasti menerusi golongan *asatizah* yang menuntut dan belajar terutama di Arab Saudi. Jumlah mereka tidaklah begitu ramai dan tidak pula pemikiran mereka mendominasi masyarakat Muslim Melayu. Secara mudahnya, aliran pemikiran ini adalah masih dalam kawalan pihak berkuasa agama. Aliran ini digerakkan secara bebas oleh Persatuan Muhammadiyah Singapura yang terletak di Jalan Selamat, Kembangan. Ia bergerak

Wan Zailan Kamaruddin bin Wan Ali, Ahmad Zuhdi bin Ismail, "Masyarakat Muslim Melayu di Singapura: Kajian Terhadap Isu dan Cabaran dalam Pemikiran Islam Era Globalisasi" JMS Vol. 1 Issue 1 (2018): 27-53

sendiri secara dalaman, dan bukan mendapat pengaruh dari luar, terutama gerakan Muhammadiyah di Indonesia.

Isu aliran pemikiran Syiah juga agak universal, berbangkit daripada Revolusi Iran 1979 dahulu. Ia wujud sejak sekian lama tetapi jumlahnya kecil dan minoriti, boleh bergerak dengan bebas tetapi statik dan tidak dinamik dan tidak pula agresif, bahkan masih boleh berinteraksi dan berkomunikasi dengan baik. Aliran ini seperti yang diuar-uarkan, diwakili oleh Persatuan Himpunan Belia Islam [HBI] yang pada suatu waktu dahulu mempunyai hubungan dengan ABIM Malaysia. Syi'ah Ismailiyyah Dawudiyah [Dawoodi Bohra @ Khoja]<sup>5</sup> mempunyai sebuah masjid dikenali "masjid Syiah" di Singapura terutama bagi masyarakat berbangsa India/Pakistan, dikenali lokasinya di kawasan City Hall. Kewujudan mereka diterima baik seperti yang lain-lain, bahkan tiada kawalan dan pemantauan rapi diberikan. Mereka juga tidak dilihat sebagai ancaman dan tidak juga sebagai pengancam. Dengan demikian, perhubungan adalah dalam bentuk yang harmoni dan saling hormat menghormati.

Isu kelompok Qadiani seperti yang dijelaskan lebih awal adalah isu yang bukanlah kompleks. Mereka memang tidak diiktiraf dan kerana itu, dianggap bukan Muslim [non-Muslim]. Bagaimanapun, mereka diberikan kebebasan, tidak dikongkong dan bahkan turut mempunyai sebuah "masjid" mereka sendiri. Lokasi "masjid" mereka terletak di Geylang. Oleh kerana mereka tidak mendapat pengiktirafan sebagai Muslim oleh pihak

---

<sup>5</sup> NADI [Pulse of the Singapore Muslim Community], Terbitan MUIS, July-September 2007, Vol.03/07, h.7.

Wan Zailan Kamaruddin bin Wan Ali, Ahmad Zuhdi bin Ismail, "Masyarakat Muslim Melayu di Singapura: Kajian Terhadap Isu dan Cabaran dalam Pemikiran Islam Era Globalisasi" JMS Vol. 1 Issue 1 (2018): 27-53

MUIS dan kerajaan, maka semua yang berkaitan dengan mereka termasuk tempat ibadat tidak diiktiraf sebagai "masjid".

Isu "isme" @ *Ism* meliputi isu radikalisme dan terrorisme dikatakan dipelopori Jemaah Islamiah, seperti yang dilaporkan dalam kajian Muhamad Hanif Hasan [pengkaji Singapura dari Nanyang Technology University – S. Rajaratnam School of International Studies]. Isu ini timbul dikatakan berpunca daripada peranan dan pengaruh guru-guru tidak bertauliah [tidak mendapat Skim Pengiktirafan MUIS].

Isu Jemaah Islamiah [JI] dikatakan muncul di republik ini akibat daripada peranan dan pengaruh internet. Mereka pernah mendapat tempat pada suatu tempoh masa tetapi mengikut maklumat terkini, Jemaah ini hampir tiada lagi, kerana kebanyakan anggota yang terlibat telah ditangkap oleh pihak berkuasa Singapura.

Isu liberalisme [*liberalism*] yang menyebabkan timbulnya persoalan "gay", hamba wanita [*women slaves*] yang menggugat golongan remaja Muslim secara khusus. Isu ini agak serius kerana ia menimbulkan pelbagai masalah remaja seperti luar nikah dan lain-lain. Isu "Intelegensia" juga dikatakan menjadi punca dan faktor kepada liberalisme dan *women slaves*.

Isu khilafiah antara aliran Madinah [gabungan lulusan Madinah] menentang aliran al-Azhari [gabungan lulusan al-Azhar]. Kedua-duanya adalah daripada aliran agama yang mendapat pendidikan formal daripada dua institusi pendidikan tinggi luar negara yang berbeza, yang akhirnya menatijahkan perbezaan pandangan, pemikiran dan pendekatan. Walaupun secara realitinya, tiada apa-apa yang sepatutnya dibimbangkan namun isu

Wan Zailan Kamaruddin bin Wan Ali, Ahmad Zuhdi bin Ismail, "Masyarakat Muslim Melayu di Singapura: Kajian Terhadap Isu dan Cabaran dalam Pemikiran Islam Era Globalisasi" JMS Vol. 1 Issue 1 (2018): 27-53

sifat dan sikap yang keterlaluan dilihat menjadi punca masalah. Jadi, persoalan pokoknya bukanlah isu agama tetapi isu ketaasuban [*asabiyyah*] melampau yang wujud dalam kalangan mereka. Secara umumnya, ia masih di dalam kawalan MUIS dan PERGAS dan isu-isu yang timbul kebanyakannya dalam bidang syariah. Ini kerana guru-guru [*asatizah*] yang terlibat mendapat pengiktirafan MUIS dan juga mempunyai keahlian dalam PERGAS itu sendiri selaku badan atau persatuan yang mewakili mereka.

Isu tarekat [*tariqah*] juga merupakan isu yang besar tetapi hanya di kalangan *asatizah* yang berpendidikan Islam pada peringkat tinggi sahaja, manakala di kalangan Muslim awam, ia tidak berlaku. Terdapat beberapa tarekat di Singapura seperti Ahmadiyah dan lain-lain, perbezaan tetap wujud tidak dalam kawalan MUIS.<sup>6</sup>

Isu ajaran salah, sesat dan menyeleweng telah ditangani dengan baik menerusi kajian dan penyelidikan oleh Presiden PERDAUS, Hj. Embek Ali dibantu oleh MUIS menerusi penerbitan buku *Noktah Hitam*, terbitan MUIS dengan kerjasama PERDAUS. Ajaran sesat yang wujud adalah seperti Martabat Tujuh, Ilmu Bungkus dan lain-lain, manakala ajaran sesat yang wujud kini adalah dalam bentuk isme-isme baru seperti dikemukakan. Isu Faham Ingkar Sunnah [Anti-hadis] popular pada suatu masa dahulu tetapi tidak lagi mendapat tempat pada masa ini. Isu pemikiran seterusnya adalah menerusi ideologi yang diperoleh guru-guru agama menerusi internet dengan pengaruh yang besar dan

---

<sup>6</sup> Temubual dengan Mokson bin Mahori, Timbalan Pengetua [Vice Principal] Madrasah Aljunied al-Islamiah [Aljunied Islamic School, Singapore] – Temubual di pejabatnya, Madrasah Aljunied Islamiah, 30 Victoria Lane Singapore 198424 pada 12 Disember 2007 pada jam 2 petang.

Wan Zailan Kamaruddin bin Wan Ali, Ahmad Zuhdi bin Ismail, "Masyarakat Muslim Melayu di Singapura: Kajian Terhadap Isu dan Cabaran dalam Pemikiran Islam Era Globalisasi" JMS Vol. 1 Issue 1 (2018): 27-53

menggugat. Seterusnya, isu berkaitan Pemikiran Islam yang dipersoalkan adalah isu pengukuhan identiti Muslim.<sup>7</sup>

Isu primer yang timbul dalam kalangan Muslim dengan non-Muslim adalah tentang "*racial harmony*", terutamanya kesan daripada 9/11 dan Jemaah Islamiah yang dianggap menggugat ketenteraman dan keselamatan awam, menyebabkan ketakutan kepada non-Muslim. Usaha dilakukan di pihak MUIS dan badan-badan agama juga menerusi National University of Singapore [NUS] untuk mendekatkan non-Muslim kembali menerusi "*inter-religious dialogue*", namun belum begitu menampakkan kejayaan.<sup>8</sup>

Isu berkaitan ajaran sesat hanya dianggap "*personal domain*" terutama melibatkan ajaran salah, sesat dan menyeleweng. Isu-isu agama di Singapura lebih banyak tertumpu kepada bidang syariah, fiqh dan hukum-hakam kerana beberapa alasan.

MUIS merupakan badan induk di bawah KDN Singapura, mengikut keperluan dan kehendak kerajaan Singapura. Oleh kerana kerajaan lebih tertumpu kepada bidang ekonomi [transaksi], justeru MUIS juga mengarah kepada bidang syariah dalam pengisian *asatizahnya*. Kebanyakan guru menggalakkan pelajar [*asatizah*] melanjutkan pengajian mereka di institusi-institusi pengajian tinggi Islam luar negeri dalam bidang syariah atau menjadikan bidang-bidang dalam disiplin ilmu berkaitan syariah sebagai kepakaran mereka, yang dilihat lebih penting dan lebih banyak permintaan dan penawaran dalam konteks Singapura dan keperluannya. Isu *asatizah* mengikut kawan

---

<sup>7</sup> Temubual bersama-sama Muhammad Ma'az bin Sallim, Eksekutif [Temporary], Pejabat Mufti, MUIS, Bradell Road, Singapura. Temubual di MUIS, pada 10 Disember 2007 jam 12 tengahari.

<sup>8</sup> Temubual dengan Syed Nasir Syed Omar Alsagoff di Masjid AlKhair, Choa Chu Kang pada 13 Disember 2007 jam 11 pagi.

Wan Zailan Kamaruddin bin Wan Ali, Ahmad Zuhdi bin Ismail, "Masyarakat Muslim Melayu di Singapura: Kajian Terhadap Isu dan Cabaran dalam Pemikiran Islam Era Globalisasi" JMS Vol. 1 Issue 1 (2018): 27-53

dalam pemilihan kursus syariah ketika di universiti. Kenyataan ini dapat dikesan dalam sesi temu bual bersama dengan mereka, dan ia pula mempunyai hubungan rapat dengan cadangan, galakan dan nasihat yang para asatizah itu sendiri peroleh daripada senior mereka. Keadaan ini juga berkaitan dengan peluang kerja dan pembinaan kerjaya selepas selesai pengajian yang perlu mereka ambil kira. Keadaan ini juga tidak banyak berbeza dengan Malaysia.

Dari segi isu-isu sekunder pula, ia dilihat sebagai lanjutan daripada isu-isu utama menyebabkan timbulnya isu "gay" dan "women slaves" oleh golongan penyokong Liberalisme, timbulnya isu Jemaah Islamiah [JI] dengan punca, faktor dan pengaruhnya,<sup>9</sup> timbulnya isu "racial harmony" menyebabkan keperluan kepada *inter-religious dialogue*. Usaha pernah dilakukan oleh Ustaz Syed Nasir dengan kerjasama Dr. Syed Farid al-Attas daripada National University of Singapore [NUS]. Dalam kalangan Muslim, isu keturunan "Habaib" [*Habib*], khususnya di kalangan kelompok Yamani / al-Hadrami, dianggap isu sekunder dan tidak begitu penting. Namun, masyarakat Muslim Melayu Singapura sering membincangkannya dalam kehidupan mereka seharian.

### **1.2 Cabaran paling utama di Singapura berkaitan akidah dan pemikiran Islam:**

Dalam konteks cabaran, secara umumnya ia bolehlah dibahagikan kepada dua iaitu cabaran primer dan cabaran sekunder. Apa yang dimaksudkan dengan cabaran primer di sini merujuk kepada cabaran yang paling mendasar, utama dan fundamental kepada Islam dan kaum Muslimin di Singapura manakala cabaran sekunder pula lebih kepada

---

<sup>9</sup> Tembual dengan Ustaz Syed Nasir Syed Omar alSagoff, Masjid al-Khair, Choa Chu Kang pada 13 Disember 2007.



Wan Zailan Kamaruddin bin Wan Ali, Ahmad Zuhdi bin Ismail, "Masyarakat Muslim Melayu di Singapura: Kajian Terhadap Isu dan Cabaran dalam Pemikiran Islam Era Globalisasi" JMS Vol. 1 Issue 1 (2018): 27-53

cabaran, persoalan dan permasalahan yang berbangkit daripada cabaran dan persoalan utama dan fundamental tadi.

Dari segi cabaran asas dan fundamental ini, di antara yang terpenting dapatlah dilihat seperti berikut:

Pertama, cabaran dalam usaha pengekalannya dalam mempertahankan kedudukan Islam sebagai "*a way of life*" bagi golongan Muslim Melayu di Republik Singapura yang merupakan golongan minoriti.

Kedua, cabaran dalam usaha dan langkah untuk mengekalkan aliran pemikiran (*madhhab*) Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah sebagai aliran pemikiran rasmi dan ikutan utama dalam semua aspek kehidupan, meliputi usuluddin dan syariah, berhadapan dengan era globalisasi dan dunia tanpa sempadan dengan pelbagai cabaran "dari dalam" dan "dari luar." "Dari dalam" merujuk kepada golongan Muslim Melayu Singapura itu sendiri manakala "dari luar" pula merujuk kepada golongan-golongan Muslim China, India, Arab dan lain-lain.

Ketiga, cabaran dalam usaha mengekalkan keautoritian badan tertinggi berkaitan Islam di Singapura yang diketuai MUIS, kerana dari segi autoriti, ia tidak mempunyai kuasa untuk membuat keputusan berkaitan Islam. Ia hanya memberikan nasihat dan pandangan kepada kerajaan republik tersebut dalam isu-isu berkaitan Islam.

Keempat, cabaran dalam usaha mempertahankan Islam hanya boleh dilakukan menerusi perkara-perkara berkaitan "ketenteraman awam" dan "keselamatan dalam negeri" sahaja. Tindakan hanya akan diambil oleh kerajaan republik tersebut sekiranya ia

Wan Zailan Kamaruddin bin Wan Ali, Ahmad Zuhdi bin Ismail, "Masyarakat Muslim Melayu di Singapura: Kajian Terhadap Isu dan Cabaran dalam Pemikiran Islam Era Globalisasi" JMS Vol. 1 Issue 1 (2018): 27-53

berkaitan dengan perkara di atas. Isu-isu yang tidak berkaitan dianggap isu-isu biasa. Contoh: Isu Qadiani, walaupun tidak diiktiraf MUIS, namun mereka bebas dan wujud dalam kelompok tersendiri dan tanpa tindakan. Isu ini tidak mudah diselesaikan kerana autoriti atau kuasa yang terbatas.

Kelima, cabaran dalam usaha untuk mengukuhkan Islam menerusi pengukuhan akidah dan pemikiran Islam menjadi suatu bebanan kerana generasi pelapis lebih menjuruskan pemikiran mereka kepada bidang syariah semata-mata kerana permintaan masyarakat Muslim Melayu Singapura.

Cabaran sekunder yang ditimbulkan lanjutan dan ekor dari cabaran, persoalan dan permasalahan fundamental pula adalah seperti berikut, di antaranya:

Pertama, isu perbezaan aliran pemikiran di Singapura, tidaklah seperti yang berlaku di Malaysia. Kepelbagaian diterima dengan baik. Justeru, kewujudan aliran Wahhabi, Syiah dan lain-lain dapat diterima sebagaimana seadanya. Apa yang semua pihak secara umum bersepakat dan bersependapat adalah untuk tidak bersikap ekstrem atau taasub terhadap sesuatu puak, pihak, kumpulan sehingga melihat segala-galanya adalah mereka sahaja.

Kedua, isu berkaitan Islam lebih banyak menjurus kepada bidang syariah, berbanding Usuluddin dan akidah. Fenomena ini sekiranya tidak ditangani secara bijaksana oleh pihak berautoriti pada jangka masa panjang mungkin akan menimbulkan masalah dan problem baru yang lebih berakar umbi kepada persoalan kepercayaan dan keyakinan terhadap agama secara umumnya, dan Islam secara khusus.

Wan Zailan Kamaruddin bin Wan Ali, Ahmad Zuhdi bin Ismail, "Masyarakat Muslim Melayu di Singapura: Kajian Terhadap Isu dan Cabaran dalam Pemikiran Islam Era Globalisasi" JMS Vol. 1 Issue 1 (2018): 27-53

Ketiga, isu kemasyarakatan atau "*social problems*" yang wujud adalah kecil walaupun impaknya besar kepada masyarakat Muslim Melayu di Singapura. Contoh: isu "*gay*", "*women slaves*", Jemaah Islamiah, "*racial harmony*" dan lain-lain.

## **2.0 Analisis dan Dapatan Kajian di Singapura:**

**Pertama:** Perkara yang menarik perhatian ditemui dalam kajian adalah tentang kedudukan Islam di Singapura dan perbandingannya dengan Malaysia. Di Malaysia, Islam termaktub dalam perlembagaan sebagai "Islam adalah Agama bagi Persekutuan", sedangkan di Singapura adalah sebaliknya, bahkan dianggap sama dengan agama-agama lain, dengan setiap agama bebas diamalkan oleh para penganutnya masing-masing. Walaupun Buddhisme dianuti golongan majoriti masyarakat Singapura, namun ia juga tidak kelihatan dalam mana-mana peruntukan perlembagaan.

**Kedua:** Di Malaysia, Islam yang disebutkan sebagai "Agama bagi Persekutuan" adalah berdasarkan kepada aliran pemikiran (*madhhab*) Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah (ASWJ). ASWJ pada dasarnya mempunyai dua buah aliran pemikiran atau sub-sekte iaitu al-Asya'irah dan al-Maturidiyyah. Dalam konteks Islam di Nusantara, sama ada di Malaysia dan di Singapura, hanya aliran al-Asya'irah, sub-sekte ASWJ yang dianuti golongan majoriti sahaja yang boleh ditemui dan diamalkan dengan bebas oleh masyarakat Muslim Melayu. Mazhab yang selainnya hampir tidak ditemui dan sekiranya ada, ia tidak dibenarkan untuk diamalkan. Dalam konteks Singapura, kebebasan diberikan ruang yang besar dalam mengamalkan aliran atau mazhab tertentu. Kebebasan itu dijamin oleh pemerintah, dan boleh pula diaplikasikan dalam kehidupan sehingga semua mazhab,

Wan Zailan Kamaruddin bin Wan Ali, Ahmad Zuhdi bin Ismail, "Masyarakat Muslim Melayu di Singapura: Kajian Terhadap Isu dan Cabaran dalam Pemikiran Islam Era Globalisasi" JMS Vol. 1 Issue 1 (2018): 27-53

tanpa asas ekstremisme dan taasub, boleh wujud dengan bebas dan tersendiri tanpa mengganggu dan diganggu. Sebarang gangguan terhadap aliran atau mazhab lain akan memberikan kesan dan impak kepada kebebasan mereka untuk mengamalkan kepercayaan dan keyakinan masing-masing. Semua mendapat hak yang sama dan diberikan hak yang setara tanpa sebarang halangan, dan perasaan berlapang dada dan berfikiran terbuka wujud dalam masyarakat.

**Ketiga:** Bidang-bidang dalam Islam yang paling dominan dan berpengaruh besar di Singapura adalah syariah dan hukum-hakam. Hampir kebanyakan tokoh agama mempunyai kelulusan dalam bidang syariah, sama ada mereka lulusan luar negeri mahupun dalam negeri. Dapatan memperlihatkan bahawa amat sedikit agamawan dan cendekiawan mempunyai kelulusan dalam bidang Usuluddin, Akidah, Pemikiran Islam, Falsafah dan Ilmu Kalam. Setakat ditemui, jumlah mereka boleh di bilang dengan jari dan kelihatan tidak begitu relevan. Alasan mudah terjadinya perkara ini adalah kerana kehendak dan tuntutan masyarakat Muslim Melayu Singapura terhadap bidang Syariah, jauh lebih tinggi daripada bidang Usuluddin. Justeru, permasalahan dalam bidang Usuluddin dan Pemikiran Islam sukar ditangani secara ilmiah atau akademik kerana kekurangan kepakaran dan keterbatasan bilangan tokoh cendekiawan dalam bidang tersebut. Kelihatan, bidang Syariah akan terus dikuasai kerana permintaan majoriti Melayu Muslim Singapura lebih banyak dalam bidang ini.

Wan Zailan Kamaruddin bin Wan Ali, Ahmad Zuhdi bin Ismail, "Masyarakat Muslim Melayu di Singapura: Kajian Terhadap Isu dan Cabaran dalam Pemikiran Islam Era Globalisasi" JMS Vol. 1 Issue 1 (2018): 27-53

**Keempat:** Isu-isu utama yang mendapat tempat di Singapura bukanlah isu-isu berkaitan bidang Usuluddin, Akidah dan Pemikiran Islam seperti ajaran sesat dan menyeleweng, kepelbagaian mazhab dan pemikiran, aliran Batiniah dan kebatinan, animisme, dinamisme dan lain-lain. Sebaliknya, isu-isu itu boleh dianggap sederhana dan kecil sahaja seperti perbezaan hukum dan sebagainya. Dalam konteks Singapura, pemerintah mendapat nasihat daripada MUIS dalam persoalan-persoalan berkaitan akidah dan pemikiran Islam, dan begitulah pula dengan MUIS.

**Kelima:** Cabaran di Singapura boleh dikatakan hampir tiada, kerana telah banyak diatasi seperti ajaran sesat yang telah tiada, manakala terrorisme adalah daripada pengaruh luar yang juga telah ditumpaskan. Cabaran yang sedia ada adalah bersifat setempat dan dalaman Singapura sahaja. Cabaran ini dilihat kecil, tidak begitu signifikan dan boleh ditangani dengan mudah.

**Keenam:** Dengan situasi dan kondisi yang wujud di Singapura, dengan isu utama dalam bidang Islam bukanlah berkaitan dengan bidang Usuluddin, Akidah dan Pemikiran Islam, manakala cabaran besar pula dilihat hampir tidak ada, keadaan ini menyebabkan metode berfikir dan perkembangan pemikiran terutama pemikiran Islam di Singapura agak berbeza dengan Malaysia. Seperti dijelaskan, Singapura membuka ruang dengan kebebasan berfikir, bermazhab, berideologi, berfalsafah dan berbeza pandangan dalam batas-batas yang dibenarkan oleh pihak pemerintah, di Malaysia keadaan seumpama itu, walaupun kelihatan pada dasarnya dibenarkan, tetapi ia berhadapan pelbagai gangguan

Wan Zailan Kamaruddin bin Wan Ali, Ahmad Zuhdi bin Ismail, "Masyarakat Muslim Melayu di Singapura: Kajian Terhadap Isu dan Cabaran dalam Pemikiran Islam Era Globalisasi" JMS Vol. 1 Issue 1 (2018): 27-53

dan tekanan akibat faktor-faktor dalaman dan luaran, yang boleh dikawal dan yang tanpa kawalan.

**Ketujuh:** Persoalan metodologi yang di aplikasi MUIS secara khusus sebagai badan dan organisasi tertinggi berkaitan Islam di Singapura dalam penyelesaian masalah dan persoalan yang timbul dalam masyarakat Muslim dari masa ke masa dapat dilihat adalah berasaskan kepada Islam beraliran ASWJ dengan rujukan khusus kepada al-Asya'irah dalam bidang Usuluddin, Akidah dan Pemikiran Islam, dan al-Syafi'iyah dalam bidang Syariah, fiqh dan hukum-hakam sama seperti JAKIM di Malaysia juga. Sensitiviti isu-isu berkaitan Islam di Singapura dan di Malaysia berbeza kerana Singapura, diperintah oleh kerajaan non-Muslim yang mewakili majoriti non-Muslim dan minoriti Muslim, dinasihati MUIS yang menjadi penasihat kerajaan dan pada masa yang sama menerima nasihat daripada kerajaan. Malaysia pula, diperintah oleh kerajaan Muslim Melayu, mewakili majoriti Muslim Melayu dan minoriti non-Muslim, dinasihati JAKIM yang juga menerima nasihat kerajaan.

### **3.0 Konklusi**

Islam merupakan *al-Din* atau cara dan sistem hidup bagi semua manusia yang mahu mengikutinya dan mengakuinya sebagai "sistem hidup daripada Allah, kepada Allah dan untuk Allah." Singapura merupakan sebuah negara Muslim Melayu atau negara beragama Islam dan majoritinya Melayu suatu masa dahulu. Kedatangan British telah mengubahkan senario secara drastik sehingga akhirnya ia berada dalam keadaan sebaliknya seperti hari ini. Dalam negara berasaskan sistem sekular, Islam tidak disebut

Wan Zailan Kamaruddin bin Wan Ali, Ahmad Zuhdi bin Ismail, "Masyarakat Muslim Melayu di Singapura: Kajian Terhadap Isu dan Cabaran dalam Pemikiran Islam Era Globalisasi" JMS Vol. 1 Issue 1 (2018): 27-53

dan tiada dalam peruntukan Perlembagaan Singapura sebagai salah sebuah agama, apatah lagi agama bagi negara. Walaupun begitu, kerajaan republik Singapura memberikan penghormatan kepada Islam dengan menyerahkan segala urusannya di bawah kendalian Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS) yang bertindak sebagai badan penasihat kerajaan, dengan segala nasihatnya dalam hal ehwal agama diberikan perhatian dan pertimbangan. Menerusi *Administration of Muslim Law Act (AMLA)*, Islam diberikan tempat berasaskan artikel 152, Perlembagaan Singapura dan seterusnya, mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah (ASWJ) diiktiraf sebagai mazhab terbesar. Ia dijadikan pengukur dan asas pemikiran Islam di Singapura. Namun, ruang untuk mazhab-mazhab selainnya bebas diamalkan adalah terbuka luas selama mereka tertakluk dalam Islam. Justeru, kajian memperlihatkan keterbukaan berlaku selama ia tidak dilihat menjadi ancaman dalam dua isu besar, ketenteraman awam dan keselamatan negara. Berdasarkan senario dan situasi ini, isu dan persoalan yang muncul berkaitan Muslim Melayu adalah dalam lingkungan tersebut. Disebabkan kedudukan Islam yang terbatas, Islam dan Muslim Melayu berhadapan dengan pelbagai isu dan cabaran, dalam survivalnya terhadap ancaman dalam dan luar. Isu dan persoalan utama di Singapura dalam bidang pemikiran, usuluddin atau akidah tidak begitu berbeza dengan negara-negara serantau. Isu yang timbul kebanyakan berkaitan dengan sesuatu yang datang dari luar Singapura, menerusi pendidikan, pendedahan, media massa dan akhirnya memberikan pengaruh dan impak kepada pemikiran Muslim Melayu Singapura. Sesuatu yang menarik perhatian adalah kebanyakan isu berkisar dalam bidang syariah kerana

Wan Zailan Kamaruddin bin Wan Ali, Ahmad Zuhdi bin Ismail, "Masyarakat Muslim Melayu di Singapura: Kajian Terhadap Isu dan Cabaran dalam Pemikiran Islam Era Globalisasi" JMS Vol. 1 Issue 1 (2018): 27-53

tuntutan masyarakat kelihatan lebih dominan dalam bidang ini. Kesannya, kebanyakan lulusan agama Singapura datang daripada bidang ini dan amat sedikit lulusan dalam bidang usuluddin dan akidah dihasilkan. Kelemahan akibat kekurangan pemikir dalam bidang usuluddin akan pasti memberikan impak negatif pada jangka panjang memandangkan dunia global tanpa sempadan akan menghadapi cabaran pemikiran yang lebih besar dan lebih berat. Seperkara yang menarik juga, Muslim Melayu lebih terbuka dari segi pemikiran, tidak taasub.

#### **4.0 Sumber informasi:**

- i. Muhammad Irwan Hadi, Pegawai Eksekutif, Pejabat Mufti, Majlis Ugama Islam Singapura [MUIS], Toa Payoh, Singapura.
- ii. Mohd Jakfar bin Embek, Ketua, Da'wah, Latihan dan Perkembangan, Persatuan Ulama dan Guru-Guru Agama Islam (Singapura) @ PERGAS, Wisma Indah, Jalan Changi, Singapura. Temu bual pada 11 Disember 2007 di Wisma Indah, Jalan Changi, Singapura.
- iii. Muhammad Saiful Alam Shah bin Sudiman, Eksekutif Dakwah / Naib Kadi, Lembaga Pentadbir Masjid Kassim, Kembangan, Singapura.
- iv. Syed Nasir Syed Omar alSagoff, Pengarah Eksekutif, Masjid AlKhair, Choa Chu Kang, Singapura.
- v. Hj Embek Ali, bekas Presiden PERDAUS [Persatuan Pelajar Agama Dewasa Singapura] dan penulis buku *Noktah Hitam* [tentang ajaran sesat di Singapura], terbitan MUIS dengan kerjasama PERDAUS.



Wan Zailan Kamaruddin bin Wan Ali, Ahmad Zuhdi bin Ismail, "Masyarakat Muslim Melayu di Singapura: Kajian Terhadap Isu dan Cabaran dalam Pemikiran Islam Era Globalisasi" JMS Vol. 1 Issue 1 (2018): 27-53

- vi. Hasbi Hassan, Guru besar, Madrasah Aljunied al-Islamiah [Aljunied Islamic School, Singapore] yang juga Presiden PERGAS.
- vii. Mokson bin Mahori, Timbalan Pengetua [Vice Principal] Madrasah Aljunied al-Islamiah [Aljunied Islamic School, Singapore] – Temu bual di pejabatnya, Madrasah Aljunied Islamiah, 30 Victoria Lane Singapore 198424 pada 12 Disember 2007. [Rujuk: Laman web aljunied.edu.sg]
- viii. Muhammad Ma'az bin Sallim, Eksekutif [Temporary], Pejabat Mufti, MUIS, Toa Payoh, Singapura. Temu bual di MUIS, pada 10 Disember 2007.
- ix. Siti Khadijah Asghar, responden berjawatan guru Montessori dari Bedok North, Singapura.
- x. Sulaiman, Wardah Books, Bussorah Street, Singapore.
- xi. Nordin, MuslimMedia, Kandahar Street, Singapore.
- xii. Abdul Kadir bin Abdul Malik, Pustaka Nasional, 448, Changi Road, Wisma Indah, Singapore 419975.
- xiii. Rashidah G, pensyarah sambilan di Singapura, dan calon Ijazah Tinggi [MA] di sebuah universiti di Australia.
- xiv. Suhaila, Syeikha dan Norhanisah, pelajar BA di APIUM, berasal dari Singapura.

Wan Zailan Kamaruddin bin Wan Ali, Ahmad Zuhdi bin Ismail, "Masyarakat Muslim Melayu di Singapura: Kajian Terhadap Isu dan Cabaran dalam Pemikiran Islam Era Globalisasi" JMS Vol. 1 Issue 1 (2018): 27-53

## Rujukan

- MUIS. (t.t). *Noktah Hitam: Ajaran Sesat di Singapura*, Terbitan MUIS dengan kerjasama PERDAUS, Cet. Mediaprint (antara tahun-tahun 1997 @ 98) [tiada dalam penerbitan]
- PERGAS. (2004). *Kesederhanaan dalam Islam: dalam Konteks Masyarakat Islam Singapura*, Singapore: PERGAS, Cet.I. [Laman web: [www.pergas.org.sg](http://www.pergas.org.sg) ]
- PERGAS. (2004). *Moderation in Islam: in the Context of Muslim Community in Singapore*, Singapore: PERGAS. First Edition.
- Abdul Rahman Mohamad. (2004). *Aku Bukan Wahhabi*. Singapore: Fiqh Consultancy and Services, Cet.I.
- Yayasan Mendaki Singapura. (2002). *In Quest of Excellence: A Story of Singapore Malays*, Singapura: Yayasan Mendaki Singapura.
- Muhammad Hanif Hassan, *Unlicensed to kill: Countering Imam Samudra's Justification for the Bali Bombing*, [meneruskan pengajian di peringkat PhD dan berkhidmat di Nanyang Technology University – S. Rajaratnam School of International Studies bersama-sama penganalisis, Mahfuh Hj Halimi]
- Hj Osman bin Jantan. (2005). *Pedoman Ilmu Tauhid*, Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd, Cet. XIV.
- Ustaz Jaafar Omar Banafie. (2006). *Asas Akidah Islam*, Singapore: Kerjaya Printing Industries Pre. Ltd, Cet.I.
- Muhammad bin Muhammad Ishak. (t.t). *Kitab Tawhid* (Inggeris). (untuk bacaan umum dalam bidang akidah).

Wan Zailan Kamaruddin bin Wan Ali, Ahmad Zuhdi bin Ismail, "Masyarakat Muslim Melayu di Singapura: Kajian Terhadap Isu dan Cabaran dalam Pemikiran Islam Era Globalisasi" JMS Vol. 1 Issue 1 (2018): 27-53

MUIS. (t.t). *Ulama di Singapura*, Singapura: Terbitan MUIS dengan kerjasama PERGAS (dalam proses).